

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 14 BILANGAN 19 RABU 7 MEI, 1969 1389 رابو 19 صفر PERCHUMA



Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Temenggong dan rombongan sedang mendengar penerangan dari Pengarah Urusan, Awang R.A.B. Clough mengenai pelantar penggalian Sedco 'A' di Pejabat Penyelidikan. Sementara gambar kanan kelihatan Yang Teramat Mulia sedang di-beri penerangan oleh Awang J. Solumon ketika Yang Teramat Mulia dan rombongan melawat ka-telaga 'South West Ampa'.


40 rekrut pulis ka-M'ysia Barat lewat bulan ini

BANDAR BRUNEI — Saramai 40 orang rekrut baru Pulis Di-Raja Brunei di-jadualkan meninggalkan Brunei lewat bulan ini untuk menjalani latihan di-Malaysia Barat.

Rekrut2 itu akan menjalani latihan lanjutan di-Pusat Latihan Pulis di-Kuala Lumpur sa-lama kira2 sembilan bulan.

Sa-masa dalam latihan, mereka akan di-ajarkan undang2, peraturan pulis, penggunaan senjata dan tugas2 am pulis.

Rekrut2 itu sekarang sedang menjalani latihan permulaan di-Pusat Latihan Pulis di-Berakas.



Kerajaan sentiasa menerima keritik2 yang membena - Pmk. M. B.

BANDAR BRUNEI — Majlis Mashuarat Negeri yang menyambong sidang-nya semalam telah meluluskan satu ketetapan untuk melantik sa-buah Jawatankuasa Kira2 Awam sa-ramai lima orang.

Ketetapan itu telah di-chadangkan oleh Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negara, Dato Utama Awang John Lee.

Ketika mengemukakan ketetapan itu, Yang Berhormat Dato Utama John Lee berkata bahawa ketetapan itu di-buat di-bawah bilangan 25A dari Perintah2 Tetap Majlis Mashuarat Negeri.

Dato Utama John Lee berkata, Jawatankuasa Kira2 Awam terdiri dari sa-orang Pengerusi dan empat

Duli Pengiran Temenggong lawat padang minyak Seria

SERIA — Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Temenggong Sahibol Bahar Muda Mohammad Bolkiah telah melakukan lawatan ka-padang minyak Seria pada hari Rabu lepas.

Yang Teramat Mulia dalam lawatan tersebut telah di-iringi oleh Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar Sahibol Bandar Pengiran Haji Mohammad, Pegawai Daerah Belait, Pengiran Dato Paduka Momin bin Pengiran Haji Ismail, Pegawai Pemerintah Pulis Daerah Belait, D.S.P. Pengiran Omar bin Pengiran Datu Penghulu Pengiran Haji Apang dan Lt. Muda Pengiran Asnan dari Askar Melayu Di-Raja Brunei.

Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Temenggong dan rombongan telah di-sambut di-Ibu Pejabat Sharikat Minyak Shell di-Seria oleh Pengarah Urusan, Awang R.A.B. Clough dan Penasihat Hubungan Perdagangan, Awang G. Harper.

Sa-lepas mendengar penerangan ringkas dari Pengarah Urusan, Yang Teramat Mulia dan rombongan telah di-bawa melawat ka-beberapa bahagian termasuk ka-Makmal Penyelidikan binatang dan tumbuhan purba, Kilang Pengolah dan Menapis.

Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Temenggong dan rombongan juga telah melawat ka-pelantar besar penggalian di-laut ADP-3 dan ka-kapal penggali Sedco 'A'.

orang ahli, kesemua-nya terdiri dari ahli2 yang di-pilih.

Enam orang ahli2 yang di-pilih telah memberikan ucapan2 penanggoahan di-majlis itu. Berbagai2 masalah telah di-bangkitkan di-antara-nya termasuklah mengenai harga barang2 yang melambong tinggi, masalah kampung perpindahan bagi penduduk2 di-Pekan Seria dan Kuala Belait termasuklah penukaran grant2 tanah dari kedudukan sementara kepada kedudukan yang kekal.

Dua di-antara ahli itu telah mengemukakan penyambongan bekal2 ayer dan letrik di-Temburong dan Bukit Sawat di-Ulu Belait.

Sa-orang ahli dari Kuala Belait

telah juga menyeru Kerajaan supaya mendirikan sa-buah klinik di-Sungai Teraban di-seberang Sungai Kuala Belait.

Pemangku Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohammad Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim telah menggulung ucapan2 penanggoahan yang telah di-sampaikan oleh ahli2 yang di-pilih itu.

Beliau mengucapkan terima kasih kepada Speaker Majlis kerana memimpin persidangan itu dengan lichen dan beliau juga mengucapkan terima kasih kepada ahli2 yang di-pilih kerana banyak memberikan tegoran2 dan buah fikiran yang baik kepada pehak Kerajaan.

(Lihat Muka 8)

Bekalan ayer di-potong lagi

BANDAR BRUNEI — Bekalan ayer di-kawasan Bandar Brunei telah di-kurangkan kepada tiga jam sa-hari mulai hari Isnin lepas disebabkan paras ayer di-kolam ayer Tasek semakin berkurangan.

Jabatan Kerja Raya Bahagian Ayer ketika mengumumkan demikian berkata, sa-tengah2 kawasan di-bekalkan pada sa-belah pagi dan yang lain-nya di-sebelah petang.

Bekalan ayer di-sebelah pagi ia-lah kira2 pukul 6.00 hingga 9.00 pagi dan di-sebelah petang dari pukul 4.00 hingga 7.00 malam.

Jalan Tutong, kawasan bandar dari tambatan hingga ka-Jalan Ong Sum Ping, kawasan Tongkadeh, Jalan Gadong dan Jalan Berakas dari simpang Jalan Lapangan Terbang hingga ka-Istana Edinburgh hanya menerima bekalan ayer pada sa-belah pagi.

Kawasan dari Jalan Senuai hingga ka-simpang lapangan terbang, Kampong Perpindahan, Berakas, Anggerek Desa, Delima Satu, Delima Dua dan Jalan Berakas dari Khemah Bolkihah hingga ka-steshen pemancar radio menerima bekalan ayer di-sebelah petang.

Kampong Ayer, Jalan Muara dan Jalan Berakas sa-lepas dari steshen pemancar radio di-bekalkan pada sa-belah malam ia-itu mulai dari pukul 8.00 malam hingga 6.00 pagi.

Sa-orang juruchakap bahagian ayer berkata, ayer hujan yang jatoh di-kolam ayer Tasek dalam masa empat bulan yang lalu hanya 12.7 inchi berbanding dengan lebih dari 22 inchi dalam masa yang sama pada tahun lalu.

Kata-nya sekatan2 lanjut dapat di-elakan hingga sekarang ada-lah di-sebabkan bantuan bekalan yang di-perolehi dari ranchangan dhurarat dari Sungai Kianggeh.

Juruchakap itu meminta orang ramai supaya berjimat menggunakan ayer dan melaporkan sa-barang kejadian kebochoran paip.

Lawatan rekrut2 Polis ka-Balai Bomba

BANDAR BRUNEI — Satu rombongan mengandungi 30 orang rekrut Polis Di-Raja Brunei yang sedang menjalani di-Pusat Latihan Polis di-Berakas telah melawat ka-Ibu Pejabat Bomba di-Bandar Brunei pada minggu lalu.

Lawatan tersebut ada-lah sa-bahagian daripada siri lawatan ka-jabatan2 kerajaan untuk mengetahui akan tugas dan tanggungjawab yang di-laksanakan oleh tiap2 jabatan kerajaan.

Rombongan tersebut telah diketuai oleh Staff Sergeant Mohammad Ali bin Omar.

Dalam lawatan tersebut rekrut2 itu telah mendengar cheramah mengenai semua aspek perkhidmatan bomba.

Mereka juga berpeluang menyaksikan pertunjukkan chara2 menyelamatkan jiwa dari bangunan yang terbakar dengan menggunakan tangga berlipat.

Rekrut2 itu juga telah ditunjukkan chara menggunakan lain2 alat melawan kebakaran.

Lawatan singkat Setia Usaha Kerja ECAFE ka-Brunei

BANDAR BRUNEI — Setia Usaha Kerja Surohanjaya Ekonomi bagi Asia dan Timor Jauh (ECAFE), U Nyun telah melawat ka-negeri ini sa-lama tiga hari mulai 29 April yang lalu.

U Nyun yang di-sertai oleh isteri-nya telah di-sambut di-lapangan terbang Berakas oleh Pesuruhjaya Tinggi British di-Brunei, Tuan Yang Terutama Awang A.R. Adair, Pemangku Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohd. Yusof, dan pegawai2 kanan kerajaan.

Turut serta dalam rombongan itu termasuk-lah Pegawai Penerangan ECAFE, Awang Satis Indra-kanhaeng yang datang ka-sini untuk membincangkan chara2 yang paling baik bagi melaksanakan perkhidmatan penerangan ECAFE untuk membolehkan kerajaan sentiasa di-beritahu mengenai kegiatan2 ECAFE dan lain2 agency Bangsa2 Bersatu.

Sa-lama berada di-Brunei U Nyun dan isteri-nya telah di-bawa melawat ka-Muara untuk melihat kemajuan Pelabohan Ayer Dalam.

Mereka juga telah melawat tempat2 yang menarik seperti makam Sultan Bolkihah, Masjid Omar Ali Saifuddin, Lapau Lapau dan Muzium Brunei.

Sa-belum bertolak ka-Sibu pada sa-belah tengah hari 1 Mei, U Nyun dan isteri telah sempat berkhidmat ka-bangunan Dewan Bahasa dan Pustaka untuk menyaksikan pameran pembangunan di-tingkat tiga di-bangunan tersebut.

Mereka juga telah di-bawa melawat ka-berbagai bahagian

jabatan tersebut oleh Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Di-Raja Dato Seri Laila Jasa (Dr.) Haji Awang Mohd. Jamil.

U Nyun dan isteri-nya telah bertarek dengan lukisan dinding yang di-lukis oleh Ak. Asmalee yang menggambarkan penghidupan di-negeri ini.



U Nyun dan isteri-nya kelihatan sedang mendengar penerangan dari Awang A.C. Mathews berkenaan dengan projek Pelabohan Ayer Dalam di-Muara ketika pelawat2 itu di-bawa melihat kemajuan projek tersebut. Di-kiri sekali ia-lah Penasihat Ekonomi Bangsa2 Bersatu, Dato Dr. J.S. Gould. Sementara gambar bawah: U Nyun sedang menanda-tangani buku pelawat di-bilik pameran di-bangunan Dewan Bahasa dan Pustaka sambil di-perhatikan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Di-Raja Dato Seri Laila Jasa (Dr.) Haji Mohd. Jamil (di-kanan sekali).

Bekalan ayer utk rumah panjang

TEMBURONG — Pejabat Daerah Temburong sedang melaksanakan satu ranchangan untuk memperbaiki bekalan ayer ka-kampung2 pendalaman di-daerah itu.

Sa-orang juruchakap Pejabat Daerah berkata jabatan itu telah pun mendirikan tanki2 ayer di-sebuah rumah panjang di-Kampung Sambatang di-Ulu Temburong.

Bekalan dari tanki2 itu akan di-bahagikan ka-rumah pan-

jang itu bagi kegunaan rumah tangga.

Kata-nya, ranchangan tersebut ada-lah salah satu daripada beberapa projek yang di-ranchangkan oleh kerajaan untuk memperbaiki taraf kehidupan penduduk2 di-kawasan pendalaman.

Projek2 yang lain-nya ia-lah pembenaan jalan2 kecil, balai2 raya, tambatan dan jem-batan2.

BRUNEI SEDANG MEMBANGUN

MENURUT Pelita Brunei, Akhbar Rasmi Kerajaan Negeri Brunei keluaran 23 April 1969, Pemangku Menteri Besar telah menekankan bahawa Brunei ada-lah berkehendakkan lebih ramai lagi rakyatnya yang berpengalaman dan berpelajaran tinggi.

Di-samping itu beliau menegaskan bahawa Brunei juga berkehendakkan rakyatnya yang berpendidikan budi pekerti yang jujur dan tabah untuk menjunjung kedaulatan negara dan bagi mengisi hasrat bangsa untuk hidup bersama maju dengan perkembangan di-dunia yang serba moden.

Beliau berucap demikian sa-jurus sa-belum merasmikan pembukaan Kursus Guru2 Melayu bahagian sekolah2 rendah yang berlangsung di-Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei pada hari Sabtu 19 April, 1969 yang lalu.

Ada-lah mustahak di-sedari dengan sunggoh2 bahawa nege-

Lagi sa-buah persatuan belia munchul

BANDAR BRUNEI — Pemangku Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara, Pengiran Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim di-jadualkan merasmikan penubuhan Persatuan PERWIRA dan Dewan Puspa, Sungai Pandan, bertempat di-dewan tersebut pada hari Jumaat 9 Mei ini jam 8.30 pagi.

Setia Usaha Agong Persatuan PERWIRA, Awang Mahmud bin Pengarah Di-Gadong Haji Abu Bakar menyatakan bahawa persatuan itu telah diluluskan pendaftarannya oleh kerajaan dalam bulan Februari tahun ini.

Sementara Dewan Puspa pula telah di-bena oleh ahli2 persatuan PERWIRA dengan kerjasama penduduk2 kampung tersebut.

Beliau berkata, dewan tersebut di-gunakan untuk mengadakan mashuarat dan kelas dewasa di-kampung itu.

Bersempena dengan pembukaan rasmi itu, persatuan tersebut akan mengadakan 'Malam Aneka Warna' pada sabalah malamnya di-Dewan Puspa.

Beberapa persembahan yang menarik akan di-persembahkan pada malam itu. Orang ramai ada-lah di-persilakan hadir untuk menyaksikan persembahan2 tersebut.

KHUTBAH JUMA'AT

Untuk menjiwai pembangunan itu
Perlu di-isikan dengan rakyat
yang ramai bilangan-nya
mempunyai ilmu pengetahuan
yang tinggi
dalam sa-genap jurusan
di-samping bersemangat
tabah pada menghadapi satu2 rintangan

ri kita yang sedang membangun ini sangat2 berkehendakkan ramai orang2 yang berpelajaran tinggi dalam sa-genap jurusan, serta tabah menghadapi sa-satu rintangan yang memang selalu-nya ada dalam menjalankan kerja, maka pengalaman dari pekerjaan itu akan menambahkan kecekapan sa-seorang dalam menunaikan tugas.

Kesedaran di-bidang ini sangat-lah mustahak kerana negeri kita mesti hidup dan mesti maju bersama2 dengan perkembangan dunia yang serba moden, kita tidak boleh lari daripada keadaan dunia yang serba bergolak, kesan2 pergolakan itu kadang2 boleh mempengaruhi negara kita dan kita rasakan baik burok-nya.

Dunia moden sekarang ini lebih banyak mementingkan kemajuan dalam bidang sains dan teknologi. Negera kita pun tidak pun terlepas daripada keadaan itu kalau mahu hidup

bersama maju dengan perkembangan dunia moden sekarang ini.

Oleh itu dari sekarang ada-lah sangat mustahak langkah2 yang tegas di-ator dan di-susun dengan rapi, khas-nya dalam bidang pendidikan dan pelajaran di-negeri ini, kerana kemajuan dan perkembangan yang sedang di-usahakan sekarang ini di-takuti hasil-nya tidak banyak di-nikmati oleh rakyat negeri ini sendiri, perkara ini adalah satu kemungkinan, khas-nya kalau rakyat negeri ini maseh kekurangan orang2 yang berpelajaran tinggi, orang2 yang mempunyai budi pekerti yang jujur dan tabah yang terdiri dari bumi putera-nya.

Kerajaan kita sekarang ini sedang giat menyusun langkah2 yang terator saperti mendirikan sekolah pertukangan dan aneka jurusan yang hampir siap pembinaan-nya dan juga mendirikan sekolah2 pertanian di-Jalan Muara, di-samping seko-



lah2 menengah Melayu, Inggeris dan Ugama yang sedang bergerak dengan pesat-nya.

Oleh itu kesedaran yang chepat dan langkah yang tegas ada-lah lebih menguntungkan supaya negeri kita akan hidup bersama maju dengan dunia yang serba moden.

Kembali sa-telah jala ni kursus haiwan

BANDAR BRUNEI — Tiga orang pemereksa binatang ternakan dari Jabatan Pertanian telah pulang ka-tanah ayer baru2 ini sa-telah menjalani kursus haiwan di-Malaysia Barat dan Singapura.

Mereka ia-lah Pengiran Ahmad bin Pengiran Wahab, Awang Ariffin bin Abdul Rahman dan Awang Teo Boon Peng.

Sa-masa menjalani kursus, mereka telah di-ajarkan semua aspek mengenai haiwan termasuk pemeliharaan binatang, mengesan dan menegah penyakit binatang dan lain2.

Mereka itu akan di-tempatkan di-berbagai pusat ternakan di-negeri ini.

Pengiran Ahmad di-tempatkan di-Labu untuk bertanggung-jawap tentang ternakan sapi di-sana dan juga akan meluaskan perkhidmatan dalam ranchangan bantuan ternakan ayam di-kawasan itu.

Awang Ariffin akan membantu peladang2 di-Daerah Brunei-Muara sementara Awang Teo Boon Peng di-tempatkan di-Sungai Liang untuk membantu penternak2 babi di-kawasan itu.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 7 Mei, 1969 hingga ka-hari Selasa 13 Mei, 1969 ada-lah saperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
7 Mei		12-23	3-38	6-31	7-43	4-39	4-53	6-06
8 Mei		12-23	3-38	6-31	7-43	4-39	4-53	6-06
9 Mei		12-23	3-38	6-31	7-43	4-39	4-53	6-06
10 Mei		12-23	3-38	6-31	7-43	4-39	4-53	6-06
11 Mei		12-23	3-39	6-31	7-43	4-38	4-52	6-06
12 Mei		12-23	3-39	6-31	7-43	4-38	4-52	6-06
13 Mei		12-23	3-39	6-31	7-43	4-38	4-52	6-06

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

7 Mei, 1969.

MEMPRAKTIKKAN UNSUR2 PENILAIAN YANG BERASAS

MAJLIS Mashuarat Negeri telah meluluskan tiga pindaan kepada tiga undang2 ia-itu Undang2 Melombong Minyak Petroleum, 1968; Undang2 Chukai Pendapatan (Petroleum) 1968; dan Undang2 Kawalan Pertukaran Mata Wang, 1965.

Pada keseluruhan-nya, pindaan2 yang di-lakukan kepada ketiga2 Undang2 itu ada-lah merupakan kenyataan2 yang tidak dapat di-nafikan lagi yang tujuan besar-nya ada-lah semata2 untuk faedah2 ekonomi negeri ini. Dengan langkah itu juga ada-lah satu chara yang praktik yang di-usahkan oleh Kerajaan dalam matalamat asas pemerentahan-nya bagi benar2 mengekalkan keteguhan ekonomi negara yang sumber tunggal-nya ia-lah minyak.

Ada-lah di-tegaskan bahawa sa-suatu pindaan yang di-lakukan kepada satu2 undang2 itu ada-lah bertujuan juga bagi men-selaraskan dengan keadaan perkembangan zaman yang menyurut kepada berlaku-nya perkembangan2 yang terjadi kepada sosial, ekonomi dan politik negara2 yang semakin membangun yang bukan hanya terjadi di-kalangan negara2 keliling kita, bahkan juga negara2 di-dunia ini.

Sa-bagai yang di-ketahui bahawa Negeri Brunei ada-lah sedang menempoh proses2 perkembangan-nya yang pesat dan sudah barang tentu perkembangan2 itu harus pula mempengerohi berbagai2 bidang yang terdapat atau pun di-amalkan di-negeri ini, termasuk-lah juga dalam penyelarasan undang2 dengan chara yang sa-mesti-nya pula di-lakukan pindaan2 kepada-nya.

Ada-lah sukar untuk di-terima tuduhan2 yang menyerang Kerajaan yang tidak di-sertai dengan asas2 yang konkrit seperti membuat tuduhan2 yang kesat seperti menuduh Kerajaan lemah, Kerajaan yang tidak praktik, projek2 yang mundur dan macham2 lagi.

Di-manakah lojik-nya yang Kerajaan "lemah" menghadapi Sharikat Minyak Shell, mital-nya, sedangkan sharikat itu sa-tiap langkah-nya yang melibatkan kepentingan2 negara dan raayat di-mestikan sujud kepada kehendak2 peraturan, perjanjian dan undang2 yang telah dibuat dan di-kuatkuasakan sejak beberapa lama lagi.

Pun jika timbul satu2 masalah, adakah patut bagi Kerajaan kita yang terkenal sa-bagai sa-buah Kerajaan yang mengamalkan dasar2 kebajikan-nya, lantas bertindak dengan sawenang2-nya dengan membelakangkan lunas2 yang mesti dilalui?

Ada-lah satu chara yang baik dan mulia mengamalkan dasar2 tolak ansoy yang tidak merugikan yang berjalan dalam suasana mesera yang harus di-lakukan pula pada perengkat yang awal.

Ini tidak-lah berarti tanpa penyudahan, bahkan penyudahan itu harus pasti dengan tidak menjadikan-nya sa-bagai satu beban yang berat yang tidak akan terpikul.



Yang Berhormat Dato Utama
Awang John Lee.

Projek2 Lapangan Terbang dan Pelabohan Muara tidak membazir—Pg. Haji Damit

BANDAR BRUNEI — Yang Berhormat Penulong Menteri Pertanian, Pengiran Haji Damit bin Pengiran Sunggoh menyatakan bahawa raayat negeri ini telah dapat merasakan faedah2 hasil dari usaha2 atau projek2 yang di-laksanakan oleh kerajaan termasuk dalam lapangan pertanian.

Beliau mensifatkan perkembangan pertanian yang di-laksanakan oleh kerajaan itu sedikit sa-banyak telah dinikmati oleh kaum tani di-negeri ini.

Yang Berhormat Pengiran Haji Damit berkata demikian ketika berucap menyukong usol Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar dalam persidangan Majlis Mashuarat Negeri pada hari Sabtu lepas.

Penulong Menteri Pertanian itu berkata, peladang2 di-negeri ini pada masa lampau hanya menggunakan tenaga ketika mengusahakan ladang mereka, tetapi hari ini keadaan itu telah berubah. Jentera2 telah diperbantukan oleh Kerajaan kepada mereka.

Beliau berkata, beberapa bantuan yang lain telah di-berikan kepada peladang2 itu termasuk bantuan2 untuk mereka memternak binatang ternakan yang semua itu dulu-nya tidak di-dapati mereka.

Menyentuh projek Lapangan Terbang Antara Bangsa Brunei dan Pelabohan Ayer Dalam di-Muara, Yang Berhormat Penulong Menteri Pertanian itu menolak anggapan dari ahli2 majlis yang di-pileh yang mengatakan kedua2 projek itu tidak mendatangkan keuntungan atau membazir saja.

Yang Berhormat itu berkata, kedua2 projek itu tidak-lah membazir sifat-nya bahkan membawa faedah2 yang besar terhadap negara dan raayat negeri ini di-masa2 yang akan datang.

Mengenai kemajuan untuk raayat berikutan dengan banyak-nya pembenaan jalan2 raya di-negeri ini seperti di-Daerah Temburong, Yang Berhormat itu mengharapkan supaya kemudahan itu akan di-gunakan dengan sa-baik2-nya oleh raayat seperti membuka ladang2 yang berfaedah.

TIGA RANG UNDANG2 DI-LULUSKAN

BANDAR BRUNEI — Majlis Mashuarat Negeri yang bersidang pada hari Isnin lepas telah meluluskan tiga rang Undang2 pindaan.

Ketiga2 Rang Undang2 pindaan itu ia-lah Undang2 Melombong Minyak Petrol, Undang2 Chukai Pendapatan (Petroleum) dan Undang2 Kawalan Pertukaran Mata Wang.

Usol2 tersebut telah di-kemukakan oleh Pegawai Kewangan Negara, Yang Berhormat Dato Utama Awang John Lee.

Yang Berhormat Dato Utama Awang John Lee ketika membentangkan rang undang2 pertama, mengenai undang2 melombong tahun 1968 itu berkata, tujuan-nya ia-lah untuk

meminda syarat2 asas dengan mana kerajaan akan memberi hak2 untuk menchari, melombong dan memperolehi minyak petroleum di-negeri ini pada masa hadapan.

Beliau berkata, pindaan2 itu ada-lah untuk mengubah beberapa syarat kewangan, terutama-nya syarat2 yang berhubung dengan chara mengolah dan membayar royalti2 supaya menjadikan negeri ini berkedudukan yang sa-imbang dengan kedudukan yang dinikmati oleh negeri2 yang mengeluarkan minyak petroleum di-Timor Tengah.

"Di-samping itu, pindaan2 kepada undang2 tersebut ada-lah juga bertujuan untuk melindungi perbekalan terus menerus yang menchukopi kepada negeri ini dengan harga2 yang berpatutan, akan hasil tapisan minyak petroleum dan gas alam".

Dato Utama Awang John Lee berkata, Bab 2 dari Rang Undang2 tersebut ada-lah mengandungi pindaan kepada Jadual Kedua dari Undang2 Melombong Minyak Petroleum, 1963 dalam mana ada mengatorkan satu chontoh Perjanjian Melombong Minyak Petroleum berthabit dengan Tanah2 Kerajaan di-darat.

Beliau berkata, fasal lima yang baru pula dalam Rang Undang2 itu, mengkehendaki sharikat minyak supaya menetakapkan berthabit dengan minyak mentah yang di-ekspot dari segi harga2 'posted'.

"Ini ada-lah memandang kepada harga2 'posted' bagi minyak mentah yang sa-tanding dengan-nya yang dari masa kasesama di-dapati di-Telok Farsi dan dengan memandang kepada kedudukan Negeri Brunei dari segi peta alam".

Ketika membentangkan usol yang kedua ia-itu Undang2 Chukai Pendapatan (Petroleum), 1968, Dato Utama Awang John Lee mejelaskan kedudukan pindaan itu yang di-lakukan atas hasil perundingan2 yang di-jalankan antara Kerajaan dengan pihak Sharikat.

Kata-nya pindaan undang2 itu ada-lah bagi mempengaruhi tanggungan chukai bagi tahun penaksiran 1970 dan tahun2 yang berikutan-nya. Ini juga ada-lah bagi membolehkan penaksiran ka-atas minyak mentah dan menambah satu cheraian (2) yang baharu untuk menen-

(Lihat Muka 5)

TEMBOK DI-JALAN RESIDENCY SIAP 15 BULAN LAGI

BANDAR BRUNEI — Kontrek bagi membena tembok di-Jalan Residency di-kawasan Bandar Brunei yang berharga \$844,988.50 telah di-berikan kepada Sharikat Sin Yen dan pembenaan-nya di-jangka siap dalam masa 15 bulan.

Sharikat2 Vallentine, Laurie dan Davies yang mereka projek itu akan mengawasi kerja2 pembenaan tembok itu bagi pihak Kerajaan.

Kerja2 pembenaan itu termasuk penggantian bahagian2 tembok yang ada sekarang yang tidak memuaskan itu, dan tambahan tembok untuk memenohi bahagian2 kosong, yang sa-lama ini belum di-dirikan sebarang tembok.

Tembok2 itu ada-lah konkret atau binaan batu yang mempunyai panchang kayu bakau atau batu, kechuali di-bahagian2 kechil dimana sifat dasar sungai itu memerlukan pengisian karang dari tambak.

Ia-nya sama sekali akan di-dirikan tembok dan bahagian2 yang rendah akan di-isikan sementara tempat2 yang tinggi akan di-ratakan.

Selesai pembenaan tembok itu, Jalan Residency kemudian-nya akan di-bena semula dengan sabatang jalan 22 kaki lebar dengan ruang yang luas di-sepanjang kedua2 bahagian tepi jalan itu, bagi kegunaan saloran najis, bekalan ayer dan lain2 perkhidmatan.

Tempat bersiar2 juga di-bena ditebing sa-belah kiri sungai dari jambatan Jalan Residency ka-Pejabat Pesuruhjaya Tinggi di-Sungai Lampai.

Tiga Rang Undang2 di-luluskan

(Dari Muka 4)

tukan perkataan2 dan ayat2 yang di-gunakan di-dalam undang2 tersebut yang mempunyai makna yang sama manakala di-gunakan di-dalam didalam perjanjian2 Melombong Minyak.

Pegawai Kewangan itu berkata, pindaan itu juga bertujuan bagi mempersahatkan supaya harga 'export reference' di-jadikan sa-bagai ukuran sa-kira-nya Kerajaan menjalankan hak-nya untuk mengambil minyak mentah sa-bagai ganti royalti

"Tujuan pindaan itu juga ialah bagi kesan2 syarat royalti2 yang berhabat dengan minyak mentah dan 'casing head petroleum spirit' yang di-eksport, mesti-lah di-potong daripada jumlah besar keutongan2 dalam mengira chukai yang boleh di-taksir yang akan di-bayar dan bukan di-potong dari chukai yang boleh di-kenakan yang akan di-bayar berhabat dengan sa-satu tahun penaksiran".

Kata-nya, pindaan itu juga ada-lah menambah Bab 13A baharu, yang mempersahatkan supaya satu chukai tambahan, yang boleh di-kenakan itu, di-taksirkan dan di-bayar sa-kira-nya pendapatan sharikat yang sa-benar-nya, yang kena bayar chukai daripada penjualan minyak mentah, ada-lah kurang dari pendapatan yang di-jangka, jika di-hitong sa-mula dengan menggunakan nilai harga 'export reference' bagi minyak mentah dan bukan pendapatan2 yang sa-benar-nya daripada penjualan.

Dato Utama Awang John Lee ketika mengemukakan Rang Undang2 Kawalan Pertukaran Mata Wang telah menjelaskan bahawa pindaan rang undang2 itu ada-lah bertujuan, terutama-nya untuk melaksanakan kawalan yang lebih lagi di-segi undang2 ka-atas perbuatan2 penduduk2 negeri ini berkaitan dengan urusan2 mereka mengenai emas dan mata wang asing yang merupakan asas simpanan2 bagi kawasan Sterling.

"Pindaan itu juga menjadikan undang2 yang ada sekarang lebih sa-imbang lagi dengan 'Act Kawalan Pertukaran Mata Wang 1947 di-United Kingdom'".

Yang Berhormat Dato Utama Awang John Lee berkata, undang2 yang ada sekarang ini mempersahatkan satu asas bagi pengawalan ka-atas perbuatan2 segala orang di-dalam negeri ini sa-takat yang berhubung dengan urusan2 kepada atau bagi pihak orang yang bukan penduduk; urusan2 mengenai 'security2'; pelaksanaan penyelesaian bagi orang2 yang bukan penduduk dan urusan2 sharikat.

Beliau menjelaskan, pindaan yang baru itu ada mempersahatkan satu asas bagi pengawalan ka-atas perbuatan2 orang yang tinggal di-dalam negeri ini yang suka mengusahakan urusan2 di-luar negeri.



Yang Berhormat Haji Awang Abd. Aziz.

Pemodal2 asing sentiasa di-alu2kan—Haji Aziz

BANDAR BRUNEI — Yang Berhormat Haji Awang Abdul Aziz Umar telah menyatakan bahawa Kerajaan Brunei sentiasa mengalu2kan pemodal2 asing yang masuk ka-negeri ini dengan membuka perusahaan2 seperti perusahaan gas, perusahaan pasir, perusahaan bahan2 mentah dan apa juga jenis perusahaan yang boleh mendatangkan faedah dan menguntungkan raayat dan negeri ini.

Yang Berhormat Haji Awang Abdul Aziz menyatakan demikian ketika berucap menyukong usol menguchapkan sa-penoh2 terima kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei atas keberangkatan dan titah Baginda ka-Majlis itu pada 20 Disember, 1968 yang lalu.

UsoI tersebut telah di-kemukakan oleh Pemangku Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohammad Yusof.

Sekolah2 Rendah Ugama akan di-bena di-Daerah Belait

BANDAR BRUNEI — Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Haji Awang Mohammad Zain bin Hj. Seruddin menyatakan bahawa projek pembenaan masjid baru di-Labi, Ulu Belait sudah pun ada dalam rancangan Jabatan Hal Ehwal Ugama dan tarikh pembenaan-nya belum lagi dapat di-tetapkan.

"Akan tetapi Jabatan Hal Ehwal Ugama bermaksud hendak melaksanakan pembenaan masjid itu dengan sa-chepat2-nya", tegas beliau.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Haji Awang Mohammad Zain menyatakan demikian ketika menjawab soalan dari Yang Ber-

hormat Awang Ariff Mujun dalam persidangan Majlis Mashuarat Negeri pada hari Rabu lepas.

Yang Berhormat Awang Ariff ingin tahu, ada-kah Kerajaan berchadang untuk membangun sa-buah masjid yang baru di-Mukim Labi dan jika ada bila hendak di-dirikan.

Menjawab satu soalan yang di-kemukakan oleh Yang Berhormat Pengiran Md. Yusof bin Pengiran Abu Bakar — wakil kawasan Seria, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wangsa menegaskan bahawa peruntukan kewangan kerana membena sekolah2 Ugama Rendah telah pun di-sediakan dan langkah2 untuk menentukan tapak2 bagi sekolah Ugama Rendah Kuala Belait dan Seria sekarang di-usahakan.

DUA USOL DI-LULUSKAN

BANDAR BRUNEI — Majlis Mashuarat Negeri yang menyambung sidang-nya pada hari Isnin lepas telah meluluskan dengan sa-bulat suara satu usol yang di-kemukakan oleh Pemangku Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohammad Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim dan satu usol pindaan yang di-kemukakan oleh Yang Berhormat Haji Awang Abdul Aziz Umar.

UsoI yang di-kemukakan oleh Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar itu berbunyi:

"Bahawa majlis ini bersetuju dan meluluskan satu usol menguchapkan sa-penoh2 terima kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan di-atas keberangkatan Duli Yang Maha Mulia ka-Majlis ini pada 20 Disember, 1968 dan di-atas titah Duli Yang Maha Mulia yang majlis ini menjunjung dengan sa-penoh2-nya".

UsoI pindaan itu berasaskan pada usol yang mula-nya di-kemukakan oleh Yang Berhormat Pengiran Mohd. Yusof bin Pengiran Abu Bakar — wakil kawasan Seria.

UsoI yang di-pinda oleh Yang Berhormat Haji Awang Abdul Aziz itu berbunyi:

"Bahawa majlis ini bersetuju dan meluluskan satu usol supaya Kerajaan menimbang dari satu masa ka-satu masa, kemungkinan

menjemput wakil2 raayat untuk menyertai dalam perundingan2 politik negara yang di-sifatkan oleh Kerajaan perputatan dan sesuai bagi wakil2 raayat ini turut serta".

Sementara usol asal Yang Berhormat Pengiran Mohd. Yusof itu berbunyi:

"Bahawa majlis ini bersetuju dan meluluskan satu usol supaya Kerajaan membawa (turut serta) wakil2 raayat yang terdiri dari Badan2 Politik di-negeri ini, turut serta di-dalam perundingan2 ia-itu, sa-tiap perundingan2 yang melibatkan masalah negeri dan raayat Brunei".

Mata Wang Brunei kukoh

BANDAR BRUNEI — Pegawai Kewangan Negara, Yang Berhormat Dato Utama John Lee telah menyatakan bahawa mata wang Brunei kukoh dan nilai-nya tidak akan turun di-masa yang akan datang.

Beliau berkata, Kerajaan Brunei telah membuat perjanjian dengan kerajaan British bahawa jika sa-kira-nya nilai wang sterling jatuh menurut kadar Amerika Sharikat sa-bahagian besar penanaman modal Brunei dalam sterling tidak akan terlibat.

Dato Utama John Lee berkata demikian ketika menjawab soalan yang di-kemukakan oleh sa-orang ahli yang di-pileh dalam persidangan Majlis Mashuarat

Yang Berhormat Haji Awang Aziz telah menjelaskan bahawa perjanjian2 di-antara Kerajaan Brunei dengan pihak Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad sentiasa di-kaji dan di-teliti dari satu masa ka-satu masa.

Beliau juga membangkitkan soal2 pelajaran bagi anak2 negeri ini yang di-katakan beliau telah mendapat perhatian dunia.

Kata-nya, bukan saja mata pelajaran dan buku2 teks di-beri dengan perchuma akan tetapi murid2 yang tinggal lebih dari tiga batu dari sekolah mereka juga di-beri alaan oleh kerajaan.

"Sa-lain dari mendapat kemudahan2, raayat negeri ini juga mendapat rawatan perubatan dengan perchuma," tegas beliau.

Menyentuh mengenai persahabatan dengan British, Haji Awang Aziz menyatakan bahawa Brunei bukan saja menumpukan perhatian persahabatan-nya dengan United Kingdom tetapi juga jiran2 tetangga di-dunai sa-belah sini.

Kata-nya, Brunei telah menjadi ahli Surohanjaya Ekonomi bagi Asia dan Timor Jauh (ECAFE) lebih dari 10 tahun dan menjadi salah sa-buah negeri yang menjadi anggota Asia Industrial Council.

Negeri yang menyambung sidang-nya pada hari Rabu lepas.

Sa-banyak 182 soalan telah di-kemukakan dalam persidangan tersebut yang mana telah di-jawab oleh sembilan orang ahli pihak kerajaan termasuk Pemangku Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohd. Yusof, Yang Berhormat Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Dato Paduka Mohd. Taib dan Penulong2 Menteri.

Soalan2 yang di-kemukakan itu ada-lah berkisar kepada jurusan2 pelajaran, pertanian, ugama, pentadbiran dan perkhidmatan2 rampaian dan soal2 dasar kerajaan.

PERDA menerima bantuan untuk bena tali ayer

BANDAR BRUNEI — Pengarah Pertanian, Awang K.G. Malet telah menyampaikan sa-keping cek yang berharga \$1,680 kepada Persatuan Pemuda Penanjong (PERDA) Tutong kerana bayaran membena tali ayer sa-panjang 70 rantai di-kawasan Penanjong.

Upacara penyampaian cek itu telah di-langsungkan di-Jabatan Pertanian pada minggu lepas dan di-terima oleh Awang Musa bin Edin, Setia Usaha Perkembangan Persatuan PERDA.

Awang Ahmad bin Kadi, Setia Usaha Agong PERDA, telah menyatakan bahawa bantuan itu ada-lah julong2 kali di-berikan kepada persatuan belia di-negeri ini.

Beliau menerangkan bahawa persatuan itu telah menanam padi pada tahun lalu sa-luas 140 ekar dan di-anggarkan mendapat hasil lebih kurang 400 gantang tiap2 satu ekar.

Penanaman padi itu telah di-usahkan oleh ahli2 persatuan itu, dan tiap2 sa-orang ahli mempunyai dua ekar.

Awang Ahmad menyatakan bahawa pada tahun ini, persatuan itu akan mengusahakan lebih kurang 200 ekar pada musim penanaman padi pada tahun ini.

Beliau juga menegaskan sa-lain daripada menerima bantuan tersebut, persatuan itu juga menerima bantuan baja dan ubat menchegegah musoh2 tanaman dari Jabatan Pertanian dan Sharikat Minyak Shell Brunei.

Beliau menambah kata bahawa persatuan itu juga membeli sa-buah Jentera Pengisar Padi yang di-anggarkan berharga kira2 \$4,000 bagi kemudahan penduduk2 di-kawasan tersebut.

Persatuan Pemuda Penanjong mengandungi lebih dari 100 orang ahli.



Gambar menunjukkan bangunan Sekolah Melayu Lambak yang baru. Bangunan tersebut ia-lah bagi menggantikan sekolah sementara yang ada sekarang yang di-bena enam tahun yang lalu. Pembinaan sekolah baru itu menelan belanja kira2 \$337,823.

Pusat sementara untuk memberikan suntikan kolera

BANDAR BRUNEI — Jabatan Kesihatan telah membuka sa-buah pusat menyuntik sementara menentang penyakit kolera di-tebing berdekatan dengan menjual minyak di-Jalan MacArthur di-Bandar Brunei.

Pusat itu telah di-buka kepada orang ramai sejak 26 April lepas.

Pegawai Perubatan dan Kesihatan, Dr. Paik berkata, pusat itu di-buka khas untuk mem-

berikan suntikan kolera kepada penduduk2 kampung2 ayer dan yang tinggal di-kawasan yang berhampiran di-Bandar Brunei.

Sementara itu, Dr. Paik juga menasihatkan orang ramai supaya mengambil langkah berjaga untuk menjauhkan penyakit kolera.

Kata-nya, ayer hendak-lah di-masak sa-belum di-minum, makan hanya makanan yang telah di-masak, lindungi makanan dari di-hinggapi lalat dan laporkan kepada rumah sakit atau kelinik yang berhampiran sa-barang kejadian muntah2 atau buang2 ayer besar.

Beliau menambah, orang2 yang datang dari Malaysia Barat dan semua penumpang2 dari kawasan yang di-serang penyakit kolera akan di-letakkan di-bawah perhatian untuk menchegegah penyakit itu dari merebak ka-negeri ini.

Suntikan kolera di-Daerah Belait

KUALA BELAIT — Rombongan penyuntik dari Jabatan Perubatan dan Kesihatan Kuala Belait sekarang sedang menjalankan kempen menyuntik bagi menchegegah penyakit kolera di-kawasan luar bandar di-daerah tersebut.

Sa-orang juruchakap jabatan tersebut berkata, keutamaan akan di-berikan kepada penduduk2 yang diam di-kawasan bandar kerana memandang kepada keadaan di-kawasan2 itu.

Kerja2 menyuntik di-kawasan luar bandar itu di-jadualkan berakhir dalam masa sa-minggu.

Rombongan itu juga akan menyuntik semua kaki-tangan kerajaan di-Kuala Belait dan Seria.

Kanak2 sekolah yang belum menerima sa-barang ubat suntikan bagi menchegegah penyakit itu sa-lama enam bulan juga akan di-suntik.


Lebih 20 orang ingin jadi pegawai

BANDAR BRUNEI — Pasokan Askar Melayu Di-Raja Brunei telah menerima lebih dari 20 permohonan dari pemuda2 tempatan untuk berkhidmat sa-bagai pegawai dalam regiment itu dalam pengambilan bulan Jun tahun ini.

Sa-orang juruchakap Askar Melayu Di-Raja berkata, dari jumlah tersebut hanya 13 orang yang mempunyai kelayakan

yang di-perlukan dan mereka itu akan di-temu duga tidak lama lagi.

Pemohon2 yang berjaya akan menjalani latihan permulaan sa-lama enam bulan di-Perkemahan Berakas dan sa-telah menamatkan latihan itu mereka akan di-hantar ka-Sekolah Pegawai Kedet di-England atau Australia sa-lama enam bulan.



JAWATAN-JAWATAN KOSONG

Sa-bagai Penyelenggara Setor Tingkat II dan III

PERMOHONAN2 ada-lah di-pe-lawa daripada chalun2 yang ber-kelayakan yang menjadi raayat atau berhak di-daftarkan sa-bagai raayat D.Y.M.M. Sultan bagi lantekan Penyelenggara Setor Tingkat II dan III di-Jabatan Laut, Brunei.

(a) PENYELANGGARA SETOR TINGKAT II

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- Pemohon2 mesti-lah berumur tidak kurang dari 20 tahun.

Di-Jabatan

PERMOHONAN2 ada-lah di-pe-lawa untuk memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Pelajaran, Brunei.

(a) PENOLONG PENGAJAR BAGI

SEKOLAH PERTUKANGAN KEJURUTERAAN, KUALA BELAIT.

Penolong Pengajar akan memulakan perkhidmatan pada 1hb. Januari, 1970, dalam bidang2 pertukangan yang berikut (dalam Perantaraan Inggeris).

- Pertukangan Besi — (2) Jawatan Pemasangan dan Penggunaan Mesin
- Jawatan

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti mempunyai Sijil Pertukangan City dan Guilds atau pun yang sa-banding dengan-nya dan mempunyai sekurang2-nya 5 tahun pengalaman perusahaan dan 3 tahun pengalaman menajar. (dalam bidang pertukangan yang sesuai)

Gaji:

Dalam sukatan gaji T. 7 — B\$440 x 20 - 660 x 30 - 840. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

(b) PENOLONG PENGAJAR BAGI

SEKOLAH PERTUKANGAN

Penolong Pengajar akan memulakan perkhidmatan pada 1hb. Januari, 1970, dalam bidang2 pertukangan yang berikut dalam (Perantaraan Inggeris).

- Pertukangan Kayu — (6) Jawatan Pertukangan Batu dan Simen Menyimen — (3) Jawatan Chat Mengechat dan Hiasan — (2) Jawatan Pertukangan Paip Ayer — (1) Jawatan

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti mempunyai Sijil Pertukangan City dan Guilds atau pun yang sa-banding dengan-nya dan mempunyai sekurang2-nya 5 tahun pengalaman perusahaan dan 3 tahun pengalaman menajar. (dalam bidang pertukangan yang sesuai)

Gaji:

Dalam sukatan gaji T. 7 — B\$440 x 20 - 660 x 30 - 840. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantekan:

Chalun2 yang berjaya yang bukan raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sa-lama ber-kontrek sa-lama 3 tahun termasuk masa perchubuan sa-lama 6 bulan. Pembaharuan kontrek ada-lah dengan persetujuan bersama.

Baksis:

Baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Chukai Pendapatan:

Pada masa ini tidak Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

- Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Tingkatan III dalam Sekolah Menengah Inggeris atau Melayu atau pun mempunyai kelulusan yang sa-banding. Keutamaan akan di-beri kepada pemohon2 yang mempunyai Sijil Rendah Pelajaran Malaysia dengan mendapat markah lulus dalam Bahasa Inggeris.
- Pengetahuan bahasa Inggeris

Pelajaran

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 28 Mei, 1969.

Sa-bagai Fitar Kenderaan

PERMOHONAN2 ada-lah di-pe-lawa daripada chalun2 yang menjadi raayat atau mereka yang berhak di-daftarkan sa-bagai raayat D.Y.M.M. Sultan bagi memenohi jawatan sa-bagai Fitar Kenderaan di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D. 2 EB 3 — \$270 x 15 - 360/EB/380 x 20 - 480.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- Lulus Darjah V Sekolah Melayu atau yang bersamaan.
- Lulus perlatehan sekolah pertukangan.
- Telah berkhidmat dengan Kerajaan sa-bagai Tradesman/Mekanik sekurang2-nya sa-lama 4 tahun.

Permohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan yang sedang berkhidmat hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Pejabat siapa di-kehendaki menghantarkan laporan2 sulit mengenai pemohon2 bersama2 dengan satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei tidak lewat daripada 15 Mei, 1969.

Sa-bagai Penyunting

PERMOHONAN2 ada-lah di-pe-lawa untuk memenohi jawatan sa-bagai Penyunting di-Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

Kelayakan dan Pengalaman:

- Pemohon2 hendak-lah orang Melayu yang mempunyai kelulusan Sijil Persekolah Seberang Laut atau yang sa-banding dengan-nya.
- Mempunyai pengetahuan tingi dalam Bahasa dan Persuratan Melayu serta berpengalaman sa-bagai penyunting.
- Bagi pemohon2 yang tidak mempunyai kelayakan yang di-sebutkan dalam (a) tetapi ada mempunyai pengalaman yang luas dalam hal karang mengarang dan mempunyai pengetahuan dalam bahasa dan Sas-tera Melayu akan di-pertimbangkan juga.

Gaji:

Dalam sukatan gaji \$660 x 30 - 900. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantekan:

Chalun yang berjaya yang bukan raayat D.Y.M.M. Sultan

ada-lah perlu oleh kerana pemohon yang berjaya mesti tahu membaca dan mengerti dalam bahasa Inggeris kandungan Sinarai Bahagian2 Pengganti bagi Ingin2 Marine Compression Ignition dan Sinarai Barang2 bagi perkakas2 dan alat2 kapal.

- Pemohon2 mesti-lah mempunyai sekurang-nya dua tahun pengalaman dalam penyelenggara setor, yang mana sa-bahagian daripada-nya mesti-lah berpengalaman dalam menguruskan penyimpanan barang2 kejuruteraan ringan dan bahagian pengganti.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D. 2 EB 3 — \$270 x 15 - 360/EB/380 x 20 - 480. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

(b) PENYELANGGARA SETOR TINGKAT III

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- Pemohon2 mesti-lah berumur tidak kurang dari 18 tahun.
- Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Tingkatan II dalam Sekolah Menengah Inggeris atau Melayu, atau pun mempunyai kelulusan yang sa-banding.
- Pengetahuan bahasa Inggeris ada-lah di-kehendaki oleh kerana pemohon yang berjaya mesti tahu membaca dan mengerti dalam bahasa Inggeris kandungan Sinarai Bahagian2 Pengganti bagi Ingin2 Marine Compression Ignition dan Sinarai Barang2 bagi perkakas2 dan alat2 kapal.
- Pemohon2 mesti-lah mempunyai sekurang2-nya satu tahun pengalaman dalam penyelenggaraan setor. Keutamaan akan di-beri kepada pemohon2 yang mempunyai pengetahuan dalam menguruskan penyimpanan barang2 kejuruteraan ringan dan bahagian2 pengganti.

Gaji:

Dalam sukatan gaji E. 1-2 EB 3 — \$200 x 10 - 270/EB/280 x 10 - 330. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Permohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan yang sedang berkhidmat hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Pejabat siapa di-kehendaki menghantarkan laporan2 sulit mengenai

pemohon2 bersama2 dengan satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 25 Mei, 1969.

Sa-bagai Tukang Kayu Perahu Tingkat I dan II

PERMOHONAN2 ada-lah di-jemput daripada Pegawai2 Kerajaan yang sedang berkhidmat yang ber-kelayakan dan menjadi raayat atau berhak di-daftarkan sa-bagai raayat D.Y.M.M. Sultan bagi lantekan sa-bagai Tukang Kayu Perahu Tingkat I dan II di-Jabatan Laut, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- Pemohon2 mesti-lah berumur tidak kurang dari:—
 - 30 tahun bagi Tukang Kayu Perahu Tingkat I dan mempunyai pengalaman praktik sa-lama sa-puluh tahun sa-bagai pembuat perahu;
 - 25 tahun bagi Tukang Kayu Tingkat II dan mempunyai pengalaman praktik sa-lama lima tahun sa-bagai pembuat perahu.
- Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Darjah V Sekolah Melayu atau pun yang sa-banding dengan-nya, tetapi kelulusan yang lebih rendah dapat di-terima bagi pegawai2 yang lebih tua dalam perkhidmatan Kerajaan.
- Pemohon2 mesti-lah boleh:—
 - me-reka dan menyediakan lukisan2 pekerjaan bagi membuat perahu outboard dan temuai;
 - menyediakan lukisan2 pekerjaan mengenai perahu2 dan temuai2 yang pechah dan rosak bagi maksud memperbaiki-nya;
 - menyediakan anggaran bagi kayu, bahan2 dan alat2 yang di-perlukan untuk (i) dan (ii) di-atas.
- Pemohon2 hendak-lah mempunyai pengetahuan yang baik mengenai kayu2, alat2 dan benda2 untuk ikat-mengikat yang bukan di-buat dari besi yang di-gunakan untuk membuat kapal (launch) dan bot bagi di-gunakan di-perayeran Brunei.
- Pemohon2 hendak-lah cekap dalam menggunakan perkakas2 letrik.

Gaji:

Bagi Tukang Kayu Perahu Tingkat I. Dalam sukatan gaji E. 1-2 EB 3 — \$200 x 10 - 270/EB/280 x 10 - 330.

Bagi Tukang Kayu Tingkat II. Dalam sukatan gaji F. 3 — \$200 x 5 - 220.

Lantekan kepada tingkat jawatan dan gaji permulaan ada-lah bergantung kepada kelulusan, kebolehan dan pengalaman praktik sa-bagai Tukang Kayu Perahu.

Permohonan2 hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Pejabat siapa di-kehendaki menghantarkan laporan2 sulit mengenai pemohon2 bersama2 dengan satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 15 Mei, 1969.

Tiga usol lulus dlm Majlis Mashuarat Daerah Temburong

TEMBURONG — Majlis Mashuarat Daerah Temburong dalam sidang bulanan-nya yang telah berlangsung di-bilek persidangan Pejabat Daerah Temburong pada hari Sabtu lepas meluluskan tiga usol.

Usol yang pertama telah di-kemukakan oleh Awang Yahya bin Yaakup — wakil kawasan Puni yang meminta kerajaan membena sa-buah balai raya di-Batang Tuau.

Awang Yahya ketika mengemukakan usol tersebut telah menegaskan betapa penting-nya di-bena sa-buah balai raya di-kampung tersebut.

Kata-nya ia-nya akan membolehkan orang2 kampung mengadakan mashuarat untuk membincangkan masalah mereka.

Dua usol telah di-bentangkan oleh Pengiran Zulaihi bin Pengiran Tajuddin — wakil bagi kawasan Bangar yang meminta kerajaan supaya membena sa-buah bilek makan bagi Sekolah Melayu Sultan Hassan di-Bangar dan satu lagi beliau meminta kerajaan supaya memperbaiki dan di-buboh asfal jalan raya dari Bangar ka-Kampung Menengah.

Majlis pada hari itu telah di-pengerusikan oleh Pegawai Daerah Temburong, Awang Johari bin Abdul Razak.

KERITIK MEMBENA SENTIASA DI-ALU2KAN

(Dari Muka 1)

Pemangku Menteri Besar itu berkata, Kerajaan sentiasa menerima kritikan2 asalkan kritikan2 itu berupa membena untuk kebaikan rakyat dan negeri.

Menyentuh mengenai alaan sara hidup, Yang Amat Mulia itu menjelaskan bahawa punca2 kenaikan harga barang2 yang melambong tinggi pada masa ini jangan-lah semata2 di-salahkan kepada pehak Kerajaan.

Beliau berkata, Kerajaan sudah pun mengambil langkah2 kerana itu tetapi hingga sekarang masih lagi dalam penyiataan dan pertimbangan.

Kerajaan, kata-nya, telah pun menaikkan gaji kepada semua kaki-tangan-nya bukan saja kepada pekerja2 yang bergaji bulan bahkan juga kepada semua pekerja2 yang bergaji hari untuk memperseimbangkan masaalah2 itu.

Pemangku Menteri Besar itu juga menyeru kepada semua rakyat dan penduduk di-negeri ini supaya berusaha bagi menambahkan hasil yang boleh di-buat di-negeri ini untuk memenuhi keperluan2 hidup sa-hari2.

Beliau juga mengingatkan kepada ahli2 yang di-pilih bahawa salah satu tugas dan tanggung jawab mereka ia-lah untuk menyedarkan rakyat ka-arah satu kesedaran chara hidup tanpa menumpukan sa-penoh2-nya kepada Kerajaan.

Yang Amat Mulia itu berkata jangan-lah perkara2 yang buruk saja di-tunjol2kan sedangkan perkara2 yang baik senhaja di-nafikan.

Beliau berkata, apa yang perlu di-gambarkan sekarang ia-lah ke-utuhan dan imej Brunei yang sebenar2-nya di-pandang dari dalam dan luar negeri.

Persidangan Majlis itu telah ditangguhkan hingga ka-satu tarikh yang belum di-tetapkan.

MEMERHATI PILEHAN RAYA MALAYSIA



Penyiasatan Penyakit untut

BANDAR BRUNEI — Projek Penghapusan Malaria akan melakan penyiataan penyakit untut di-enam buah kampung di-Daerah Brunei - Muara dalam bulan ini.

Mulai hari ini, rombongan pengesan penyakit itu akan melawat Kampung Pulau Baru2, pada 14 Mei di-Kampung Berbunot, di-Pekan Muara pada 17 Mei, Kampung Puduk pada 21 Mei, Kampung Serasa pada 24 dan Kampung Batu Marang pada 27 Mei.

Penyiataan itu akan di-jalankan pada waktu malam mulai dari pukul 8.00 hingga 10.00 malam.

Ini di-lakukan kerana kuman2 penyakit untut hanya boleh di-kesan pada waktu malam sahaja.

Rombongan2 dari Projek Malaria telah mengambil contoh darah dari 688 orang dalam empat buah kampung di-daerah ini dalam bulan lepas.

Dalam bulan Mach, rombongan pengesan itu telah melawat tujuh buah kampung di-Daerah Belait dan mengambil contoh darah dari 2,030 orang.

Projek Penghapusan Malaria mula melancarkan penyiataan itu buat pertama kali-nya dalam bulan Jun tahun lepas berikutan dengan terdapat-nya penyakit itu di-Daerah Tutong.

Hingga bulan Februari tahun ini, sa-ramai 3,960 orang telah di-periksa di-Daerah Tutong. Dari jumlah tersebut 50 orang di-dapati telah mengidap penyakit untut.

Orang2 yang mengidap penyakit itu pada masa ini sedang di-beri rawatan dengan sa-jenis ubat khas di-klinik Tutong.

BANDAR BRUNEI — Sa-belas orang pegawai kerajaan telah berlepas ka-Malaysia Barat untuk memerhatikan pilihan raya Malaysia yang akan berlangsung pada 10 Mei ini.

Rombongan yang terdiri dari lima orang pegawai dari Pejabat Pilihan Raya dan empat orang penolong pegawai daerah itu telah di-ketuai oleh Pengerusi Pilihan Raya, Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Omar.

Turut juga dalam rombongan tersebut ia-lah Timbalan Pengarah Penyiaran dan Penerangan, Awang Salleh bin Kadir, dan Timbalan Pesuruhjaya Pulis, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja Pengiran Jaya bin Pengiran Haji Rajid.

Mereka di-jadualkan berada di-Malaysia Barat kira2 dua minggu.

Gambar atas menunjukkan Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar (kiri) dan Awang Mat Noor McAfee (kanan) sa-belum meninggalkan lapangan terbang Berakas pada hari Khamis lepas.

Jalani kursus mekanik di-Singapura

BANDAR BRUNEI — Sa-ramai lapan orang private Askar Melayu Di-Raja Brunei telah berlepas ka-Singapura pada minggu lalu untuk mengikuti kursus dalam bahagian mekanik di-republik itu.

Mereka akan di-tempatkan di-Royal Electrical Mechanical Engineering Training Centre sa-lama tiga bulan.

Sa-masa menjalani latihan mereka akan di-ajar mengenai kerosakan2 jentera termasuk memperbaiki lori, land rover dan kereta2 perisai.

Ini ada-lah kali kedua-nya mereka di-hantar mengikuti kursus di-pusat itu untuk mendapatkan kemahiran mengenai kerosakan2 jentera yang di-perlukan di-khemah itu.

Usol bagi mengadakan tanki2 ayer di-Kg. Ayer di-tolak

BANDAR BRUNEI — Pegawai Daerah Brunei-Muara, Awang Mohammad Ali bin Awang Besar telah menasihatkan ahli2 Majlis Mashuarat Daerah supaya berhubung dengan jabatan2 kerajaan yang berkenaan untuk mendapatkan butir2 dan keterangan2 mengenai perkara2 dan projek2 yang di-jalankan oleh kerajaan.

Awang Mohammad Ali berkata, dengan mengetahui butir2 dan keterangan2 itu akan dapat menolong mereka menyelesaikan sa-barang salah faham.

Pegawai Daerah itu berkata demikian dalam persidangan bulanan

Majlis Mashuarat Daerah Brunei-Muara yang telah berlangsung di-Dewan Kemasharakatan pada hari Rabu lepas.

Awang Mohammad Ali berkata, kerajaan telah pun menjalankan beberapa projek dan rancangan untuk memberikan kemudahan2 bagi penduduk2 di-daerah ini.

Beliau berkata, kerajaan mempunyai beberapa projek. Ini akan di-kaji dengan teliti sa-belum ia-nya di-laksanakan.

Terdahulu sa-belum itu, majlis itu telah menolak satu usol yang di-kemukakan oleh Awang Abdul Latif bin Ahmad — wakil Kampung Peramu yang meminta kerajaan mengadakan tanki2 ayer di-Kampung Ayer.

Majlis itu juga mendengar jawapan2 dari kerajaan mengenai beberapa soalan mulut yang di-kemukakan oleh ahli2 majlis pada hari itu.